

Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**



Musibah besar satukan hati rakyat

Insiden kehilangan pesawat MH370 bukan saja mencetuskan pelbagai persoalan, malah terus menarik perhatian masyarakat dunia serta menjadi tajuk utama sebahagian besar akhbar utama luar negara.

Tiba-tiba tumpuan seluruh masyarakat dunia terarah kepada negara kita, terutama menilai sejauh mana kita mampu menguruskan krisis besar seperti ini. Bagi kita di Malaysia insiden ini satu kejadian yang cukup besar dan mencabar kerana membabitkan pesawat negara kita yang dipandu oleh dua anak tempatan.

Begitu juga halnya dengan cabaran sedang dilalui oleh pasukan mencari dan menyelamat yang bertungkus lumus cuba mencari pesawat yang hilang dari radar secara tiba-tiba.

Boleh dikatakan ini antara musibah besar yang menimpa dan menguji rakyat daripada pelbagai aspek. Hal ini kerana 239 penumpang, termasuk anak kapal merentasi 14 negara menceritakan betapa insiden ini cukup serius dan mengejutkan.

Dunia sedang memerhatikan segala gerak-geri kita secara teliti. Ia membabitkan ujian terhadap hubungan diplomatik dengan negara terbabit di samping cabaran untuk membuktikan betapa pasukan mencari dan menyelamat kita mampu memikul dan melaksanakan tugas ini dengan cepat dan cekap:

Justeru, satu perkara yang begitu menonjol tatkala kita masih terkejut dan terpinga-pinga dengan insiden ini ialah betapa rakyat Malaysia tanpa mengira agama, bangsa dan umur mula bersatu dan menzahirkan sokongan tanpa berbelah bagi kepada semua penumpang yang terbabit, kaum keluarga dan waris mangsa serta juga kepada pasukan mencari dan menyelamat.

Ringkasnya musibah dan insiden menyayat hati ini menonjolkan ciri-ciri penyatuan nasional rakyat Malaysia yang cukup tinggi dan terpuji.

Misalnya kita boleh lihat pelbagai mesej berbentuk sokongan moral, suntikan motivasi, kata-kata semangat dan doa dalam pelbagai media, terutama media sosial seperti Facebook dan Twitter.

Dalam Facebook cukup banyak mesej memberangsangkan dan menzahirkan sokongan, sekali gus memperlihatkan penyatuan rakyat kita dalam memberi suntikan moral dan motivasi kepada semua pihak berkaitan.

Antaranya, paparan paling banyak mencuri tumpuan adalah seperti #DOAUTKMH370, #Prayfor-

MH370 dan 'put aside our differences let us unite & pray' di samping doa dan kata-kata perangsang kepada keluarga mangsa seperti 'marilah kita sama-sama mendoakan keselamatan kesemua penumpang dan anak kapal Malaysia Airlines MH370'.

Ramai juga menyatakan sokongan penuh kepada juruterbang pesawat terbabit iaitu Kapten Zaharie Ahmad Shah yang diiktiraf sebagai seorang juruterbang cukup berpengalaman dan berdedikasi di samping anak kapal lain.

Ini ditambah lagi dengan sokongan moral daripada pihak kerajaan sendiri, terutama daripada Perdana Menteri dan isteri yang turut turun padang bertemu waris dan ahli keluarga yang terbabit untuk memberi kata-kata perangsang, semangat dan sokongan moral.

Apa yang kita boleh ambil iktibar daripada musibah ini ialah rakyat kita sebenarnya cukup mudah tersentuh apabila membabitkan insiden mahupun malapetaka membabitkan nyawa serta keselamatan rakyat di samping maruah dan kedaulatan negara kita.

Hal ini bukanlah perkara baru dalam masyarakat kita kerana sebelum ini dalam peristiwa pencurian Lahad Datu, seluruh rakyat Malaysia bersatu menyatakan sokongan kepada pasukan keselamatan negara, apakah lagi kepada wira negara yang terkorban dalam mempertahankan perbatasan negara. Keluarga mereka juga diberikan sokongan cukup hebat dan memberangsangkan.

Ketika musibah banjir juga seluruh rakyat Malaysia berpadu tegara menghulurkan pelbagai bentuk bantuan kepada mangsa tanpa mengira agama dan bangsa. Ini membuktikan kita sebenarnya boleh bersatu. Kita sebenarnya boleh mengetepikan mahupun melupakan sejenak segala perbezaan ideologi politik, perbalahan atau perselisihan faham se-sama kita apabila berhadapan dengan krisis, situasi dan insiden besar seperti ini.

Jadi apa yang kita harap, rakyat perlu sedar betapa perpaduan nasional senjata ampuh yang memiliki aura, kekuatan dan pengaruh cukup besar umpama peribahasa 'bersatu kita teguh dan bercerai kita roboh'.

Semoga penyatuan masyarakat seperti ini menjadi benteng pertahanan kita selama-lamanya baik ketika senang mahupun tatkala kita sedih, berduka, menangis dan dilanda musibah serta bencana alam.